

# Kajian 2 kumpulan UMS terbaik

BH 02-08-2012 V6

Dua kumpulan Universiti Malaysia Sabah (UMS) masing-masing meraih Anugerah Emas dan Perak pada Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) peringkat Wilayah Sarawak dan Sabah 2012 yang berlangsung di Hotel Pullman, Kuching, Sarawak pada 11 dan 12 Julai lalu.

Kumpulan Regiment meraih Anugerah Emas selepas menyampaikan projek bertajuk Proses Penerimaan Borang LNPT Mengambil Masa Yang Panjang, manakala kumpulan Eureka Hrd Solution memenangi Anugerah

Perak dengan tajuk projek Kelewatan Penghantaran Laporan Kemajuan Kakitangan Akademik Yang Sedang Cuti Belajar.

Kumpulan Regiment diwakili Alna Tugon selaku ketua kumpulan, Noor Hapipah Samat, Stella @ Nurul Martini Gontol, Awang Jamaluddin Jumat, Mohammad Asly Buncho, Emily Singan, Shahzarol Latif, Leopold Modies Falix, Patricia Joseph dan Anisah Awang, manakala Luqman Ridha Anwar bertindak sebagai Fasilitator.

Kumpulan Eureka Hrd Solution pula diketuai Syahrul

Hazizi Asmat bersama tujuh ahli iaitu Joehan Joehari William, Abd Nawi Ngah, Adrian Amatus, Mohd Afiz Mabni @ Matbee, Jennifer Fan, Marliana John dan Noorazian Saili dengan Suhaimie Sahabuddin sebagai Fasilitator.

Penilaian persembahan berdasarkan pengenalan, pemilihan dan definisi projek, analisis terhadap peluang penambahbaikan, pelaksanaan cadangan kreatif dan inovatif, pemantauan dan penyeragaman, pencapaian dan penciptaan nilai serta persembahan.

Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Dato Jacob Dungau Sagan.

Hadir sama Timbalan Ketua Pengarah I, MPC, Ahmad Fadzil Mohamad dan



**Ahli Kumpulan Regiment** (berdiri) dan **Eureka Hrd Solution** menunjukkan anugerah emas dan perak, cenderamata serta sijil yang dimenangi sempena Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif

Pengarah MPC Wilayah Sarawak, Suhaimy Abd Talib.

Konvensyen yang dianjurkan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) itu bertujuan untuk memberi pendedahan

kepada peserta mengenai aspek produktiviti dan inovasi, menggalakkan peningkatan aktiviti kumpulan inovatif dan kreatif di seluruh negara. Projek itu juga untuk

memberi peluang kepada kumpulan inovatif dan kreatif berkongsi pengalaman serta pengetahuan dalam usaha meningkatkan lagi prestasi kumpulan.